

KONTRAK PENIAGA/SUB PENIAGA DI ANTARA One XOX Sdn. Bhd. (1072 886-D) Lot 5.2, 5th Floor, Menara Lien Hoe, No.8, Persiaran Tropicana, Tropicana Golf & Country Resort, 47410 Petaling Jaya, Selangor (selepas ini disebut **ONEXOX**) **DAN** (Nama>Nama syarikat, No. kad pengenalan/No. syarikat, Alamat)

(selepas ini disebut **PENIAGA/SUB PENIAGA**) pada (hh/bb/tttt)_____

PENIAGA/SUB PENIAGA bersetuju untuk menjalankan perniagaan ONEXOX keatas segala terma dan syarat yang tertakluk di bawah:

1. SYARAT LANTIKAN

- 1.1 Lantikan ini berkuatkuasa pada tarikh apabila permohonan PENIAGA/SUB PENIAGA telah diluluskan oleh ONEXOX.
- 1.2 ONEXOX melantik PENIAGA/SUB PENIAGA bagi tujuan menawarkan perkhidmatan, mempromosikan dan menjual produk ONEXOX kepada pelanggan.
- 1.3 PENIAGA/SUB PENIAGA bertanggungjawab sepenuhnya diatas segala aktiviti yang dilaksanakan ketika menjalankan tugas sebagai Peniaga/Sub Peniaga Yang Sah.
- 1.4 PENIAGA/SUB PENIAGA tidak dilantik sebagai kakitangan ONEXOX dan tidak mempunyai hak untuk menjadi jurucakap bagi pihak ONEXOX tanpa sebarang kebenaran bertulis.
- 1.5 PENIAGA/SUB PENIAGA tidak dibenarkan sama sekali menggunakan nama ONEXOX dan jenama ONEXOX untuk menghasilkan bahan pengiklanan tanpa sebarang kebenaran bertulis.
- 1.6 SUB PENIAGA akan dinaikkan taraf sebagai PENIAGA apabila telah mencapai sasaran dan ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh ONEXOX dari masa ke semasa; dan hanya layak mendapat kelebihan serta manfaat sebagai PENIAGA selepas itu.
- 1.7 Lantikan ini boleh ditarik balik atau dibatalkan tanpa membuat sebarang tuntutan kepada pihak ONEXOX.
- 1.8 Lantikan ini tidak boleh dipindah milik kepada sesiapa sahaja melainkan kepada waris PENIAGA/SUB PENIAGA yang telah meninggal dunia.
- 1.9 Tempoh lantikan ialah 1 (satu) tahun dan boleh dilanjutkan ke tahun-tahun berikutnya tertakluk kepada penilaian prestasi PENIAGA/SUB PENIAGA dari masa ke semasa.
- 1.10 Sekiranya gagal memenuhi klausa 1.9, lantikan boleh terbatal & segala rekod perniagaan dan pelanggan di bawah PENIAGA/SUB PENIAGA akan dilupuskan. PENIAGA/SUB PENIAGA perlu membuat permohonan baharu untuk berniaga semula bersama ONEXOX.

2. TUGASAN PENIAGA/SUB PENIAGA

2.1 PENIAGA/SUB PENIAGA bertanggungjawab:

- a) menawarkan perkhidmatan, mempromosikan dan menjual produk ONEXOX kepada pelanggan mengikut aturcara yang ditetapkan.
- b) menanggung kos bagi menyediakan perkakas atau peralatan yang diperlukan.
- c) menjual produk ONEXOX mengikut harga yang telah dicadangkan.
- d) menyampaikan maklumat produk dengan tepat kepada pelanggan.
- e) tidak memberi sebarang jaminan produk selain daripada yang termaktub di dalam Terma & Syarat Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh ONEXOX.
- f) memastikan dan memeriksa dokumen pengenalan pelanggan yang asal sebelum mendaftar pelanggan.
- g) memastikan borang pendaftaran pelanggan diisi dengan kemas dan lengkap.
- h) tidak menyalahgunakan dokumen pengenalan pelanggan.
- i) tidak membuat sebarang pendaftaran palsu.
- j) memastikan mendaftar SIM kad pelanggan berpandukan nombor siri yang tertera.
- k) mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan atau badan-badan berkanun ketika menjalankan perniagaan.
- l) tidak menyalahgunakan dan menghormati maklumat pelanggan yang terdapat di dalam 'ONEXOX System' (ONESys).
- m) memastikan borang pendaftaran pelanggan dihantar atau dikembalikan ke ONEXOX dalam tempoh 14 (empat belas) hari dari tarikh pendaftaran dibuat.
- n) berkongsi maklumbalas serta maklumat yang boleh memberi kebaikan kepada produk dan ONEXOX.
- o) tidak menyalahgunakan, memindahkan, memberi atau menjual maklumat pelanggan yang dikumpul kepada mana-mana pihak selain daripada urusan ONEXOX.
- p) menghormati privasi pelanggan-pelanggan ONEXOX seperti mana yang telah ditetapkan dibawah Akta Perlindungan Data Peribadi oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi.
- q) dilarang sama sekali mengelolakan sistem 'Top up Server' sendiri yang menggunakan nama atau logo ONEXOX tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada pihak ONEXOX.

3. PERUNDANGAN

- 3.1 Segala aktiviti PENIAGA/SUB PENIAGA adalah terikat dengan akta-akta yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP).
- 3.2 ONEXOX akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa bagi menyediakan apa jua maklumat yang dikehendaki jika perlu.
- 3.3 ONEXOX tidak akan bertanggungjawab keatas denda atau hukuman yang dikenakan oleh pihak berkuasa kepada PENIAGA/SUB PENIAGA.

4. LATIHAN DAN MAKLUMAT TERKINI

- 4.1 Tutorial mengenai aturcara PENIAGA/SUB PENIAGA, maklumat produk terkini dan apa jua promosi yang bakal berlangsung boleh didapati di dalam ONESys.
- 4.2 ONEXOX akan sedaya upaya memastikan modul latihan PENIAGA/SUB PENIAGA disampaikan dengan cekap dan efektif.

5. TEMPAHAN STOK

- 5.1 Proses tempahan stok mengambil masa 2 (dua) hari bekerja.
- 5.2 PENIAGA/SUB PENIAGA dikehendaki merancang sesuatu tempahan sewajarnya.

6. BAYARAN

- 6.1 ONEXOX hanya menerima pembayaran tunai sahaja.
- 6.2 Pembayaran mestilah dibuat terus kepada One XOX Sdn.Bhd. atau melalui akaun Malayan Banking Berhad 5622 3667 9813.
- 6.3 Pembayaran jelas adalah berdasarkan kepada tarikh penerimaan pembayaran dan resit rasmi yang dikeluarkan oleh ONEXOX.
- 6.4 Segala urusan pembayaran perlu disertakan dengan resit atau bukti pembayaran yang sah.

7. PENGHANTARAN DAN PENERIMAAN STOK

- 7.1 PENIAGA/SUB PENIAGA boleh datang sendiri ke pejabat ONEXOX untuk mengambil stok.
- 7.2 Penghantaran stok melalui perkhidmatan kurier secara percuma disediakan bagi PENIAGA/SUB PENIAGA di dalam Semenanjung Malaysia; syarat tempahan minima adalah 50 (lima puluh) keping SIM Kad.
- 7.3 Penghantaran stok melalui perkhidmatan kurier dengan surcaj disediakan bagi SUB PENIAGA di negeri Sabah dan Sarawak.
- 7.4 Proses penghantaran mengambil masa 5 (lima) hari bekerja.
- 7.5 Proses penghantaran bermula sebaik tempahan stok dan pembayaran jelas dibuat sebelum jam 2 petang pada hari bekerja.

8. INSENTIF SUB PENIAGA

- 8.1 Tambah nilai minima (melalui saluran jualan yang disahkan) **RM30 WAJIB** dilakukan (keatas MSISDN peribadi yang telah didaftarkan sebagai **talian DREG**) pada **setiap bulan** oleh PENIAGA/SUB PENIAGA bagi melayakkan pembayaran insentif.
- 8.2 ONEXOX berhak melupuskan bayaran insentif jika tidak memenuhi syarat pada klausa 8.1
- 8.3 SUB PENIAGA layak menerima insentif daripada setiap tambah nilai yang dibuat oleh pelanggan ONEXOX yang didaftarkan sahaja melalui saluran jualan yang sah dan diiktirafkan.
- 8.4 Insentif terkumpul di bawah RM200 akan dibayar dengan nilai *E-Recharge* terus ke talian DREG manakala SUB PENIAGA dibenarkan untuk membuat pilihan kaedah pembayaran (Tunai atau *E-Recharge*) sekiranya insentif terkumpul melebihi RM200. Caj Bank RM3 akan dikenakan bagi pembayaran insentif secara tunai (melalui akaun bank PENIAGA/SUB PENIAGA).
- 8.5 Insentif terkumpul pada bulan terkini akan dibayar pada bulan berikutnya (Rujuk klausa 8.6).
- 8.6 ONEXOX akan membuat pembayaran insentif kepada PENIAGA/SUB PENIAGA mengikut tarikh yang ditetapkan iaitu pada 15 haribulan setiap bulan (hari bekerja sahaja tidak termasuk Sabtu dan Ahad).
- 8.7 ONEXOX berhak untuk melanjutkan tempoh pembayaran insentif kepada PENIAGA/SUB PENIAGA jika perlu.
- 8.8 ONEXOX berhak menahan, melanjutkan tempoh atau membatalkan pembayaran insentif PENIAGA/SUB PENIAGA jika didapati melanggar mana-mana terma di dalam klausa 2.1 samada dengan sengaja atau tidak sengaja.

9. ONEXOX juga berhak meminda mana-mana syarat terkandung di dalam Kontrak Peniaga/Sub Peniaga ini dari masa ke semasa.

Dengan ini tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, saya faham dan setuju dengan segala terma dan syarat yang terdapat di dalam Kontrak Peniaga/Sub Peniaga ini.

Setiap mukasurat kontrak ini mesti ditandatangani oleh PENIAGA/SUB PENIAGA.

Tandatangan PENIAGA/SUB PENIAGA:

Nama:

No. K/P:

Nama syarikat:

No.pendaftaran syarikat:

Tarikh:

Cop Syarikat:

Tandatangan Saksi:

Nama:

No.K/P:

Dealer Code:

Tarikh: